



**UCAPAN  
YB. DR. XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA  
KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS) 2019**

**DEWAN BAIDURI**

**PADA 28 FEBRUARI 2019**

---

Terima kasih pengacara Majlis

**YB. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,**  
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli;

**YBHG. DATUK ZURINAH PAWANTEH,**  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS);

**YBHG. DATO HAJI SUHAIMI BIN HAJI MAMAT,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli);

**YBHG. PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan);

**YANG BERUSAHA ENCIK BADURUNHISAM BIN MOHD NOR,**  
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan);

**YBHG. DATO-DATO KETUA-KETUA PENGARAH,**  
Jabatan-Jabatan di KATS;

Setiausaha-Setiausaha Bahagian;

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin, sekalian.

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Untuk makluman semua, walaupun hari ini sudah merupakan hari ke- 24 rakan-rakan Cina kita menyambut Tahun Baru namun masih belum terlewat lagi untuk kita meraikan majlis ini dan mengucapkan **Gong Xi Fa Cai** kerana di Malaysia kita meraikan sesuatu perayaan untuk tempoh sebulan. *Better late than never.*

Terima kasih diucapkan kepada pihak Urus setia yang sudi menjemput saya hadir ke Majlis Sambutan Tahun Baru Cina KATS 2019 yang kita adakan pada hari ini. Sesungguhnya semangat kerjasama dan kesatuan yang dipamerkan oleh pihak Urusetia yang diketuai oleh Bahagian Pentadbiran KATS adalah merupakan intipati kepada kejayaan penganjuran majlis-majlis yang kita adakan di Kementerian.

Hadirin sekalian,

Tahun Baru Cina adalah perayaan yang cukup penting bagi Masyarakat Cina di seluruh dunia. Kalau di Negara China, ia menandakan berakhirnya musim sejuk dan hadirnya musim bunga yang sekaligus membangkitkan harapan untuk tahun baru yang bakal menjelma.

Peluang untuk berkumpul bersama keluarga, menikmati makan besar, dan bertemu dengan rakan-rakan, sanak saudara, memberi dan menerima ‘angpau’ adalah sesuatu yang sangat dinanti-nantikan tidak kira bagi yang tua mahupun yang muda. Festival ini adalah peluang untuk mengukuhkan persahabatan dan rasa harmoni dalam kalangan semua etnik di Malaysia.

Dalam konteks kita di Malaysia, masing-masing kaum yang ada seperti Melayu, Cina, India, Iban, Dayak, Kadazan dan lain-lain tidak boleh hidup bersendirian. Kita mesti hidup saling berhubungan antara satu sama lain. Kerana realitinya juga, setiap bangsa hidup dengan kecenderungan sosio ekonomi tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Keadaan ini mewujudkan perhubungan dan saling memerlukan antara satu sama lain.

Setiap perbezaan kehidupan, budaya dan kepercayaan, tidak seharusnya mengasingkan kita kerana rasa hormat dan meraikan majlis rakan-rakan daripada kaum lain akan membuat kita lebih menghargai serta memerlukan satu sama lain yang akan melahirkan sifat bantu membantu dalam banyak perkara.

Manakala daripada aspek tugas dan tanggungjawab, isu-isu air, tanah dan sumber asli negara adalah merupakan tanggungjawab kita bersama tanpa mengira agama mahupun bangsa kita, ia menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan apa yang kita ada pada hari ini dapat diserahkan kepada generasi masa hadapan.

Hadirin sekalian,

Penganjuran majlis seumpama ini secara tidak langsung sebagai tanda bagi menghargai sumbangan rakan-rakan Cina kita serta mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan KATS tanpa mengira agama dan bangsa.

Penganjuran majlis seperti ini juga diharap akan dapat memupuk nilai-nilai kekeluargaan, toleransi yang menjadi tunjang kepada kekuatan kita selama ini. Sebagai rakyat Malaysia, kita amat beruntung kerana kita hidup di dalam suasana aman dan tenteram. Sepanjang tahun kita di Malaysia merayakan pelbagai perayaan seperti Sambutan Tahun Baru

Cina, Hari Raya, Deepavali, Krismas, Kaamatan, Gawai dan lain-lain lagi. Melalui sambutan perayaan sebegini, ia menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik dan inilah kekuatan yang kita ada sebagai satu bangsa Malaysia.

Hadirin sekalian,

Seperti lazimnya masyarakat berbilang kaum di Malaysia akan berkumpul dan berkongsi hari yang penuh istimewa ini dalam suasana perayaan yang sungguh meriah dan berwarna-warni. Inilah istimewanya masyarakat kita dan uniknya negara ini.

Melalui majlis-majlis sambutan perayaan seperti yang kita adakan pada hari ini, kita akan dapat perkukuhkan ikatan perpaduan yang telah sedia terjalin bagi menunjangi masa hadapan dengan satu matlamat tanpa mengira bangsa dan agama, untuk melahirkan sebuah negara Malaysia Baharu.

Hadirin sekalian,

Di dalam sebuah negara yang rakyatnya berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, kita dapat raikan kepelbagaian ini dengan penuh keharmonian serta aman. Ini merupakan satu perkara yang biasa bagi kita. Tetapi ianya tidak sentiasa begitu. Menjaga hubungan rakyat berlainan antara kaum agama dan budaya bukanlah satu perkara yang mudah. Kita tidak boleh pandang ringan perkara ini. Akan ada di kalangan kita pihak-pihak yang cuba mengeruhkan keharmonian ini untuk tujuan-tujuan tertentu. Saya harap kita tidak akan biarkan diri kita terhasut dengan perkara sebegini. Marilah sama-sama kita berikrar untuk menjaga kestabilan, keharmonian, serta keamanan dalam negara yang kita

sayangi ini. Ambillah peluang ini untuk mengukuhkan lagi tali persaudaran antara kita sesama kita, rakyat Malaysia.

Justeru itu, marilah kita sama-sama berharap agar tahun ini akan membawa tuah, kejayaan yang lebih gemilang lagi dan kegembiraan kepada kita semua terutamanya bagi KATS dalam mengharungi pelbagai cabaran pada tahun 2019.

Seperti yang kita sedia maklum, tahun ini adalah merupakan Tahun Babi dan ianya adalah merupakan rantaian makanan Harimau Malaya atau *Malayan Tiger*, spesis yang akan kita selamatkan daripada terus mengalami kepupusan. Untuk itu, kita juga perlu pastikan Harimau Malaya kita mempunyai makanan yang cukup untuk meneruskan hidup. Kita perlu sama-sama selamatkan Harimau Malaya ini melalui kempen yang akan digerakkan secara besar-besaran mulai tahun ini.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan azam dan tekad agar banyak lagi kejayaan yang akan dicapai oleh KATS serta Jabatan-Jabatan di bawahnya dalam menguruskan Air, Tanah dan Sumber Asli secara lestari di masa hadapan.

***May the coming New Year brings, joy, good health and prosperity.  
Gong Xi Fa Cai.***

Terima kasih.